

NOTIS PENUTUPAN SEMENTARA

Kepada Pelanggan-pelanggan SAINS yang dihormati,

PENUTUPAN SEMENTARA BEKALAN AIR DI SEBAHAGIAN KAWASAN REMBAU BERIKUTAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DI LOJI RAWATAN AIR (LRA) PEDAS BARU PADA 6 JANUARI 2026

Pihak Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (SAINS) ingin memaklumkan kepada semua pelanggan kami bahawa penutupan sementara bekalan air akan dilaksanakan dan dijangka mengakibatkan gangguan bagi beberapa kawasan di daerah Rembau seperti yang dinyatakan di bawah. Maklumat penutupan adalah seperti berikut:

Tarikh : 6 Januari 2026 (Selasa)
Masa : 8.00 pagi (6 Januari 2026) – 8.00 pagi (7 Januari 2026)

Maklumat kerja	Kawasan terlibat	Langkah kontingensi
Lokasi: LRA Pedas Baru, Rembau Jenis kerja: Kerja-Kerja Pencucian Kolam Air Bersih dan Flushing Kolam Imbangan	<i>Sebahagian Daerah Rembau iaitu:</i> Kedai Makan Majlis (Sebelah Kilang), Taman Dato' Lela Maharaja, Sekolah Menengah Sedia Raja, Rumah Rakyat Chembong, Jln. Kg. Chembong, Kg. Berkat / Kg. Ampang / Kg. Masjid Tanah, Kg. Chembong Air Hitam, Kg. Rendah, Sekolah Kebangsaan Chembong, Balai Bomba Chembong, Industri Chembong, IKBN Chembong, IPD Chembong, Hospital Rembau, Rumah Rakyat Chembong.	• Penghantaran lori tangki • Penempatan tangki statik Akan dilaksanakan sekiranya gangguan melebihi 24 jam (selepas tempoh penutupan)

Bekalan air akan mula disalurkan semula setelah kerja-kerja di tapak siap sepenuhnya. Tempoh pemulihan bekalan air adalah secara berperingkat namun kawasan tinggi dan penghujung sistem agihan berkemungkinan akan mengalami tempoh pemulihan yang lebih lama.

Untuk makluman, kerja-kerja ini merupakan antara usaha berterusan SAINS dalam menambah baik dan meningkatkan mutu bekalan air demi kepentingan para pelanggan pada masa hadapan.

Para pelanggan boleh menghubungi talian **1-300-88-6982** untuk sebarang maklumat lanjut dan bantuan bekalan air untuk kes kecemasan semasa dalam tempoh gangguan.

Komunikasi Korporat
Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd.